

NO SOALAN : 8

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN
BIN ABD HAMID (B)
(LUMUT)**

**TARIKH : 25.5.2016
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah respon dan reaksi Kementerian terhadap tuntutan lima (5) perkara oleh NGO PAHLAWAN.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Suka saya memaklumkan bahawa pertubuhan ini tidak berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) di bawah Akta Veteran 2012. Berdasarkan kepada Perkara 13(1) Akta Veteran 2012 jelas menyatakan bahawa *'tiada persatuan boleh menjalankan apa-apa aktiviti veteran melainkan jika persatuan itu didaftarkan sebagai suatu persatuan veteran di bawah akta ini'*.

Persatuan ini tidak pernah mengemukakan sebarang tuntutan rasmi kepada Kementerian Pertahanan. Pihak Kementerian hanya mengetahui tuntutan yang dibuat oleh Pertubuhan Prihatin Bekas Anggota Keselamatan (PAHLAWAN) ini, melalui media massa dan media sosial sahaja.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai makluman Dewan Yang Mulia ini, tindakan yang telah dilaksanakan Kementerian berdasarkan salah satu Teras Kementerian Pertahanan iaitu kebajikan anggota dan kesejahteraan veteran ATM. Antaranya adalah kenaikan kadar pencen sebanyak 2% setahun semenjak tahun 2013. Kementerian juga melaksanakan pemanjangan tempoh dari 12 tahun 6 bulan kepada 20 tahun bagi pembayaran pencen terbitan dan bantuan kepada isteri/waris yang dikahwini selepas bersara dan telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2012.

Selain itu, Kerajaan turut memberikan bantuan sebanyak RM1,000 secara *one-off* kepada 84,000 veteran.

Kementerian juga melaksanakan Program Baikpulih Rumah Veteran ATM 1Malaysia semenjak 2012 dan masih berjalan sehingga sekarang. Pada tahun 2015 sebanyak 620 buah rumah telah dibina dan dibaik pulih. Tahun ini, pihak Kementerian mensasarkan untuk membina 200 buah rumah melibatkan 100 buah baik pulih dan 100 buah bina baharu.

Selain itu, lima skim di bawah Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan telah disediakan. Tahun 2015, Kementerian telah membelanjakan sebanyak RM18.9 juta bagi Bantuan Sara Hidup, RM794 ribu bagi Bantuan Persekolahan, RM304 ribu bagi Bantuan Peralatan Pesakit, RM6.9 juta bagi Bantuan Kemasukan Ke Universiti Awam dan RM190 ribu bagi Bantuan Bencana Alam. Bantuan Mengurus Jenazah turut disediakan bukan sahaja melibatkan veteran, bahkan turut merangkumi pasangan dan anak veteran.

Selain itu, melalui kemudahan *Electronic Medical Automated Supply System'* atau e-MASS yang disediakan oleh Kementerian melalui JHEV membolehkan Veteran ATM mendapatkan bekalan perubatan dan alatan bantuan merangkumi lebih 1,500 jenis ubatan atau alatan perubatan bagi penyakit-penyakit kronik yang tidak dapat disediakan di Hospital Kerajaan. Mereka hanya perlu mendapatkan pengesahan dari hospital kerajaan tanpa perlu membuat apa-apa pembayaran untuk mendapatkan keperluan tersebut. Buat masa ini, lebih dari 1,087 Farmasi Komuniti dan vendor telah berdaftar di bawah sistem ini di seluruh negara melibatkan peruntukan sebanyak RM56 juta.

Semua ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan sentiasa berusaha menjaga kebajikan dan kesejahteraan Veteran ATM. Tindakan-tindakan berkenaan telah lama dilaksanakan sebelum wujudnya tuntutan oleh pihak PAHLAWAN.